

11 FEB 2003

DR MAHATHIR LANCAR PEMBANGUNAN PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan projek Pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang bakal menjadi mercu tanda yang mempunyai ciri-ciri tersendiri di ibu negara.

Terletak di kawasan seluas 28,347 meter persegi di precinct pusat bandar Kuala Lumpur (KLCC) yang berprestij, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dirancang dan direka bentuk untuk menarik penganjur mengadakan konvensyen antarabangsa dan serantau, pameran perdagangan, pameran umum, acara sukan serta majlis persendirian.

Dilengkapi kemudahan canggih dan infrastruktur moden, pusat konvensyen itu dikatakan akan menjadi tanda aras baru bagi kemudahan persidangan dan pameran di Malaysia.

Dr Mahathir dalam perutusan dalam bukan cendermata berkata pelancaran pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu merupakan satu lagi mercu tanda penting dalam usaha negara untuk menempatkan ibu kota, Kuala Lumpur, sebagai venue utama untuk acara antarabangsa yang penting.

"Apabila siap, projek ini akan menempatkan Malaysia dalam peta global sebagai pusat pameran dan konvensyen utama. Ia juga akan memberi kelebihan kepada Kuala Lumpur bagi menampung keperluan yang meningkat untuk kemudahan persidangan dan pameran di rantau ini," katanya.

Perdana Menteri turut menyuarakan keyakinan beliau bahawa Malaysia akan menjadi pilihan terbaik di rantau ini bagi penganjurkan acara bertaraf antarabangsa.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Petroleum Nasional Bhd (Petronas) dan KLCC Holdings Berhad kerana menyahut cabaran serta memastikan projek itu menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata pusat baru itu merupakan bukti keupayaan Malaysia dalam membangun kemudahan berteknologi tinggi dan menyediakan perkhidmatan berkelas dunia.

-- BERNAMA

HS KHY RM LAT